



15 MAR, 2023

Tubuh pasukan khas banteras judi online

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2



Tubuh pasukan khas banteras judi online

Ayer Keroh: Kerajaan negeri menubuhkan satu pasukan khas bagi membantaras kegiatan judi dalam talian yang dilihat semakin berleluasa.

Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali berkata, pasukan khas berkenaan akan diketuai Exco Pendidikan, Teknologi dan Telekomunikasi negeri, Datuk Rais Yasin sejajar dengan keputusan dicapai pada mesyuarat mingguan Exco yang berlangsung pada 12 Februari lalu.

Katanya, mesyuarat itu juga bersetuju satu kempen besar-besaran akan digerakkan yang membabitkan semua pihak berkaitan termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), serta Jabatan Pendidikan negeri bagi mengawal dan membendung aktiviti judi atas talian di negeri ini.

"Selaras dengan keputusan berkenaan, kerajaan negeri akan membuat penyelarasan lanjut bagi penubuhan pasukan khas itu pada kadar segera bagi memperinci dan memuktamadkan bidang tugas dan tanggungjawab, termasuk tindakan bersesuaian yang akan diambil seperti penguatkuasaan bersepadu serta kempen kesedaran kepada segenap lapisan masyarakat di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan **Rosli Abdullah (BN-Kuala Linggi)** berkenaan mengenai kegiatan judi siber yang semakin berleluasa di Melaka, pada Persidangan Pertama, Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri (Dun) Melaka Ke-15, di Seri Negeri, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, pihak berkuasa juga sudah melaksanakan tindakan tegas apabila melakukan sebanyak 501 serbuan dengan 513 tangkapan serta 516 rampasan peralatan yang membabitkan kos berjumlah RM107,614.00 sepanjang tahun lalu.

"Berdasarkan operasi dilaksanakan, statistik menunjukkan jumlah tangkapan yang dibuat melebihi jumlah serbuan dilaksanakan, sekali gus menunjukkan keberkesanan usaha penguatkuasaan dijalankan PDRM," katanya.

Sementara itu, Sulaiman



Kerajaan negeri akan membuat penyelarasan lanjut bagi penubuhan pasukan khas itu pada kadar segera bagi memperinci dan memuktamadkan bidang tugas dan tanggungjawab"

Sulaiman

berkata, kempen kesedaran akan dilaksanakan secara besar-besaran dan menyeluruh hingga ke peringkat akar umbi termasuk di peringkat sekolah dan universiti dengan membabitkan sebanyak 238 sekolah rendah, 78 sekolah menengah serta 45 Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) di seluruh negeri.

Katanya, kerajaan turut mengadakan operasi dan serbuan secara berterusan melalui Ops Dadu termasuk operasi bersepadu dengan kerjasama agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta PBT untuk melumpuhkan kegiatan judi atas talian.

"Pada masa sama, kerajaan turut menyediakan platform kepada orang awam untuk menyalurkan maklumat kepada PDRM melalui aplikasi *Volunteer Smartphone Patrol (VSP)*, Facebook Polis Melaka dan Instagram Polis Melaka Official.

"Di pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula, operasi bersepadu pemotongan elektrik dilakukan untuk memotong bekalan elektrik ke atas premis yang menjalankan aktiviti judi. Sepanjang tahun lalu, sebanyak 111 premis sudah diambil tindakan pemotongan bekalan elektrik," katanya.